

PEMERKASAAN POLISI BELIA DI INDONESIA: PELAKSANAAN DAN IMPAK

(Empowerment of Youth Policy in Indonesia: Implementation and Impact)

Sakhyan Asmara
Irfan Ridwan Maksu
Azhar Kasim

ABSTRAK

Artikel ini meneliti pemeraksanaan polisi belia di Indonesia yang dilaksanakan oleh Kementerian Pemuda dan Olahraga RI (Kemenpora) yang dapat dilihat dari sudut pelaksanaan dan impaknya. Teori Grindle (1980) dan Royse et al. (2001) digunakan sebagai kerangka konseptual artikel ini. Hasil analisis mendapati terdapat beberapa permasalahan penting. Pertama, terdapat kelemahan dari sudut penyelarasan pelaksanaan dasar, tahap pematuhan dan responsif, sistem pengambilan anggota baru, dan kecekapan sumber manusia. Walaupun kerajaan berjaya merealisasikan program yang banyak, namun tahap perubahan yang disasarkan masih belum dicapai. Kedua, impak yang dirasakan hanya di peringkat individu, berbanding pada peringkat kelompok kecil dan kelompok masyarakat, mengakibatkan tahap perubahan dan penerimaan belum mampu menjawab permasalahan belia secara lebih komprehensif. Ironinya, proses penilaian tidak pernah dilakukan untuk mendapatkan maklum balas bagi memperbaiki dasar pemeraksanaan belia.

Kata kunci: Polisi, Pemeraksanaan, Belia, Indonesia, Impak

ABSTRACT

This article examines youth empowerment policy in the Ministry of Youth and Sports (Kemenpora) from the perspectives of its implementation and impact. This article uses Grindle (1980) and Royse et.al (2001) theory as a conceptual framework. This study found several important problems in the Ministry. First, there is a lack of coordination of policy implementation, low level of compliance and responsiveness, the inadequacy of recruitment system, and the inefficiency of managing human resources. Although the government managed to realize some of the programs, there are still changes that have yet to achieve the target. Second, the impact is felt only at the individual level, rather than at the small group and at the community levels, resulting in the degree of change and acceptance which has not been able to answer the problem of youth more comprehensively. Ironically, the evaluation process has not been done to get feedback to improve youth empowerment policy.

Keywords: Policy, Empowerment, Youth, Indonesia, Impact

PENDAHULUAN

Persoalan pemerksaan belia merupakan isu yang menarik di Indonesia kerana masih banyak masalah belia yang belum dapat diatasi dengan baik. Ini dianggap ironi kerana Indonesia mempunyai institusi berkaitan belia yang cukup lengkap daripada peringkat Kementerian sehingga peringkat Dinas kepada Kabupaten dan Kota. Namun, wujud kelemahan ketara dalam penggubalan dan pelaksanaan polisi pemerksaan belia di Indonesia. Di Indonesia, menurut Undang-undang Nombor 40 tahun 2009, belia adalah warganegara Indonesia yang mencapai umur 16 sampai 30 tahun. Ini berbeza dengan negara-negara yang lain yang mentakrifkan umur belia sehingga 35 hingga 40 tahun.

Jika dilihat data penduduk Indonesia, jumlah belia direkodkan sebanyak 62,471,993 orang (Badan Pusat Statistik 2015). Ini bermakna, tidak kurang 24.48% daripada jumlah keseluruhan penduduk Indonesia yang berjumlah 255,182,144 orang termasuk dalam kategori belia. Daripada jumlah tersebut, kira-kira 1.25% belia tidak pernah bersekolah, 17.07% masih bersekolah dan 81.68% belum bersekolah lagi. Menurut perangkaan pendidikan belia pula, sebanyak 6.51% masih belum menamatkan sekolah dasar berbanding 23.93% yang sudah menamatkan pelajaran. Selain itu, 31.19% berjaya menamatkan sekolah menengah pertama, 30.93% tamat sekolah menengah atas, dan hanya 6.18% tamat Perguruan Tinggi (Kementerian Pemuda dan Olahraga Republik Indonesia 2010).

Badan Perencana Pembangunan Nasional (Bappenas) pada tahun 2010 menunjukkan Angka Partisipasi Kasar (APK) pendidikan tinggi Indonesia masih rendah jika dibandingkan dengan negara-negara Asia yang lain. APK pendidikan tinggi Indonesia masih di bawah 20%, berbanding di China sebanyak 50%, Malaysia 60%, manakala Singapura dan Korea Selatan pula mencapai 90%.¹ Bancian yang dilakukan pada tahun 2012 menunjukkan antara faktor utama sebahagian besar belia tidak pernah bersekolah ialah akibat keadaan sosioekonomi yang rendah.² Apabila belia tersebut tidak memiliki pendidikan atau memiliki pendidikan yang rendah, maka ia memberi impak yang negatif kepada mereka dalam pelbagai aspek kehidupan.

Antara masalah lain yang dihadapi di Indonesia juga ialah masalah penagihan dadah yang mencapai lima juta orang yang mana sebahagian besarnya ialah daripada kalangan belia,³ konflik yang melibatkan kelompok belia seperti pergaduhan antara pelajar atau mahasiswa, konflik antara kumpulan dan organisasi kemasyarakatan, konflik penduduk yang melibatkan belia disebabkan oleh sentimen antara kelompok, perebutan pekerjaan atau kekuasaan dalam kalangan belia jalanan, dan juga konflik yang didalangi oleh belia akibat sentimen etnik dan agama (Dewan Ketahanan Nasional atau Wantanas 2012). Kesemua masalah ini memperlihatkan belia

¹Web site Bapenas yang diakses tahun 2014 menjelaskan rendahnya kemampuan daya saing belia Indonesia adalah akibat kompetensi yang rendah. Keadaan ini menyebabkan tenaga kerja Indonesia hanya mampu memanfaatkan peluang kerja yang ada di luar negara sebagai pekerja kasar, pembantu rumah, pekerja kebun sawit dan buruh bangunan. Ini kerana mereka tidak memiliki kompetensi yang cukup untuk dapat bersaing merebut peluang kerja yang lebih baik di kawasan serantau dan antarabangsa. Situasi ini terus berlaku jika tidak ditanganu secara serius oleh pemerintah.

²[www.bappenas.go.id/20% pendidikan 20% pemuda 20% di 20% Indonesia.htm](http://www.bappenas.go.id/20%pendidikan%20pemuda%20di%20Indonesia.htm), diakses pada tanggal 12 April 2014

³[http://www.kompas.com/20%pengguna 20%narkoba 20%dan 20%bahayanya 20%bagi 2%pemuda/kita.htm](http://www.kompas.com/20%pengguna%20narkoba%20dan%20bahayanya%20bagi%20pemuda/kita.htm), diakses pada tanggal 15 April 2014.

di Indonesia cenderung untuk terlibat dalam perkara-perkara yang tidak sihat yang menyumbang kepada masalah lebih besar di negara terbabit.

Selain itu, dalam aspek perkhidmatan Kempenpora pula, hasil survei yang dilakukan oleh Kumpulan Survei Kempenpora (2013) mendapati tahap kepuasan masyarakat terhadap layanan di Kementerian Pemuda dan Olahraga menunjukkan peratusan seperti berikut:

Jadual 1: Peratusan Kepuasan Masyarakat Mengenai Kempenpora

| Unit Kerja | Aspek | Jumlah Nilai Unsur Pelayanan | IKM | IKM Setelah Konversi |
|-----------------------------------|------------------------------|------------------------------|------|----------------------|
| Deputi Pemberdayaan Pemuda | Standar Operasional Prosedur | 12,57 | 3,12 | 78,01 |
| | Pelayanan Prima | 18,69 | | |
| | Keamanan dan Kenyamanan | 6,18 | | |
| Deputi Bidang Pengembangan Pemuda | Standar Operasional Prosedur | 12,50 | 3,21 | 80,21 |
| | Pelayanan Prima | 19,50 | | |
| | Keamanan dan Kenyamanan | 6,50 | | |

Sumber: Kumpulan survei berkelompok bagi reformasi birokrasi dalam bidang peningkatan kualiti layanan awam Kempenpora (2013).

Jadual 1 menunjukkan peratusan kepuasan masyarakat terhadap layanan Bidang Pemerksaan Belia adalah 3.12% (78.01) lebih rendah jika dibanding dengan Bidang Pengembangan Belia yakni 3.21 (80.21). Walaupun perbezaannya tidak terlalu jauh, namun ia menunjukkan layanan pemerksaan belia lebih rendah daripada layanan perkembangan belia. Antara faktor berlakunya situasi terbabit ialah dana yang disalurkan tidak mencukupi berbanding dana yang diperlukan. Jika dibandingkan dengan Bahagian Perkembangan Belia, Bahagian Pemerksaan Belia mendapat peruntukan yang kecil dan ditambah dengan dengan jumlah belia yang mencapai lebih daripada 62 juta orang. Ini dapat dilihat melalui Jadual 2 di bawah.

Jadual 2: Perbandingan Peruntukan Bahagian Pemerksaan dan Perkembangan Belia

| Tahun | Bidang Pemerksaan Belia (dalam rupiah) | Bidang Perkembangan Belia (dalam rupiah) |
|-------|---|---|
| 2010 | 43.234.657.000 | 93.159.909.000 |
| 2011 | 103.636.853.000 | 280.298.566.000 |

| | | |
|------|-----------------|-----------------|
| 2012 | 64.903.256.000 | 108.520.635.000 |
| 2013 | 133.100.000.000 | 263.264.993.000 |
| 2014 | 155.700.000.000 | 271.880.000.000 |

Sumber: Biro Kewangan Kemenpora

Jadual 2 menunjukkan perbandingan peruntukan bahagian pemerksaan dan perkembangan belia pada 2010 hingga 2014. Daripada jadual tersebut, dapat dilihat secara keseluruhannya jumlah peruntukan pemerksaan belia jauh lebih rendah daripada jumlah peruntukan di bahagian perkembangan belia. Peruntukan perbelanjaan pemerksaan belia yang rendah menyebabkan program di bidang ini tidak mampu menghasilkan impak yang diinginkan. Peruntukan yang mencukupi amat diperlukan bagi menjalankan program yang lebih baik bagi mengatasi masalah belia yang semakin kompleks dan rumit.

Huraian di atas menunjukkan keupayaan pemerintah dalam melaksanakan pemerksaan belia masih belum memberikan hasil yang diharapkan. Pelbagai persoalan yang wujud masih lagi tidak dapat diatasi walaupun untuk menyelesaikan masalah terbabit amat bergantung kepada dasar yang digubal dan dilaksanakan oleh pemerintah. Justeru itu, penulis merasa tertarik untuk melakukan kajian secara komprehensif dan mendalam mengenai Pemerksaan Polisi Belia: Pelaksanaan dan Impak di Indonesia. Tulisan ini mengkaji pelaksanaan dan impak pemerksaan belia di Indonesia yang dilaksanakan oleh Kementerian Pemuda dan Olahraga pada tahun 2010 hingga 2014.

TEORI PEMERKASAAN BELIA

Secara teorinya, pemerksaan (*empowerment*) adalah pendekatan dan pengaplikasian konstruktif yang bersifat pelbagai peringkat melalui hasil dari interaksi individual, sosial dan kolektif. Dalam erti kata yang lebih luas, pemerksaan merujuk kepada beberapa indikator, iaitu: individu, keluarga, organisasi dan komuniti, yang mendapat akses dan kawalan dalam konteks sosial, ekonomi dan politik, yang bertujuan untuk meningkatkan keadilan sosial dan kualiti (*equity and quality*) hidup. Berdasarkan kepada indikator tersebut, program pemerksaan (belia) memiliki dua fungsi utama: pertama, fokus program ini untuk mengubah dalam peringkat individu, khususnya dalam hal pemerksaan psikologi untuk membangunkan kapasiti peribadi (*capacity-building*), mengintegrasikan persepsi-persepsi kawalan dan pengendalian, pendekatan yang proaktif dalam kehidupan, dan pemahaman yang kritis dalam lingkungan sosial dan politik. Kedua, pemerksaan dalam peringkat kolektif yang berlaku di dalam keluarga, organisasi, dan komuniti, yang mana melibatkan proses dan sistem yang dapat meningkatkan keahlian atau kemampuan anggota-anggotanya, memudahkan mereka dalam perubahan, meningkatkan kesejahteraan kolektif mereka, dan memperkuat jaringan intra serta ekstra-organisasi untuk memperkuat kualiti dari integrasi kolektif tersebut.

Model Pemerksaan Belia dapat dilakukan dengan mengadaptasi beberapa konsep: (1) Model AEC (*Adolescent Empowerment Model*) oleh Royse et al. (2001) yang berasaskan kepada disiplin ilmu psikologi tentang perkembangan remaja dan belia, (2) Model YD&E (*Youth Development and Empowerment Program Model*) oleh Ciarlo & Tweed (1992), (3) Model TP (*The Transactional Partnering Model*) oleh Tash & Stahler (1984), dan (4) Model EE (*The Empowerment Education Model*) oleh Freire (1968). Keseluruhan model tersebut menjelaskan

tentang hasil-hasil yang wujud melalui proses pemerksaan seperti meningkatkan kematangan, harga diri, menghindarkan daripada masa krisis identiti, perasaan tidak berguna, hubungan sosial yang positif, keterlibatan dalam komuniti di bidang sosio-ekonomi dan awam dan lain-lain lagi.

Asas kepada pemerksaan adalah membantu belia untuk membuat keputusan dan menentukan tindakan yang tepat berkait dengan diri mereka termasuk mengurangkan masalah peribadi dan sosial. Hal ini dilakukan untuk meningkatkan kemampuan dan rasa percaya kepada diri untuk menggunakan daya terhadap perkara-perkara yang boleh menyumbang kepada diri, masyarakat dan negara. Kesimpulannya, pemerksaan belia adalah keupayaan untuk mengubah keadaan belia dari suatu keadaan kepada keadaan lain yang lebih baik. Ini dapat dilakukan dengan melaksanakan kerajaan melaksanakan beberapa langkah dan tindakan—aspek yang dibincangkan di bahagian seterusnya.

Autoriti Pemerintah dalam Pemerksaan Belia di Indonesia

Terdapat tanggapan di negara-negara membangun, belia berada dalam keadaan yang tidak membangun kerana dipengaruhi oleh faktor eksogen (iaitu polisi awam yang kurang memihak) atau dipengaruhi oleh faktor endogen (iaitu budaya atau sikap mentaliti yang kurang menyokong). Keadaan belia yang demikian mendorong pemerintah untuk melakukan pemerksaan kerana ini sangat berkait dengan fungsi sebenar daripada pemerintah sendiri. Sebagaimana yang dikemukakan oleh Isbandi Rukminto Adi (2003), fungsi sebenar pemerintah adalah untuk memberi perkhidmatan, pemerksaan dan pembangunan.

Idea mengenai fungsi pemerintah tersebut memberikan pemahaman bahawa perkhidmatan perlu menghasilkan nilai keadilan dalam masyarakat manakala pemerksaan mendorong kemandirian masyarakat dan pembangunan mewujudkan kesejahteraan masyarakat. Oleh itu, fungsi pemerintah perlu dilihat secara lebih holistik (Uphoff 1986). Pemerksaan merupakan salah satu fungsi pemerintah yang sangat penting kerana jika fungsi ini dijalankan secara sistematik dan tersusun, maka ia dapat mewujudkan kemandirian masyarakat. Untuk mewujudkan kemandirian masyarakat, polisi yang digubal oleh pemerintah perlu berpihak kepada masyarakat dan mereka perlu diberikan bantuan agar memiliki kemampuan untuk melepaskan diri dari kebergantungan daripada pihak lain.

Chavchay Syaifullah (2008) menyatakan di Indonesia terdapat dua jenis fungsi pemerintah iaitu fungsi primer dan fungsi sekunder:

1. Fungsi primer, iaitu fungsi yang menjalankan hubungan baik dengan pihak yang diperintah melalui perkhidmatan yang dijalankan. Ini bermakna pemerintah bertanggungjawab memberikan perkhidmatan dan layanan terhadap orang awam yang memerlukan bantuan. Fungsi primer juga dikenali sebagai fungsi perkhidmatan (*servicing*). Fungsi perkhidmatan ini bersifat universal dan dijalankan oleh semua bangsa dan negara, baik di negara membangun atau negara maju sesuai dengan keadaan masing-masing.
2. Fungsi sekunder, iaitu fungsi yang berhubungan negatif dengan kondisi ekonomi, politik dan sosial yang diperintah. Ini bermakna semakin tinggi taraf hidup rakyat, semakin kuat posisi tawar dan semakin integratif masyarakat yang diperintah, semakin berkurang fungsi sekunder pemerintah. Fungsi pemerintah telah berubah, dari *rowing* ke *steering*. Jika keadaan masyarakat lemah, pemerintah perlu merencanakan pembangunan. Jika pembangunan semakin menunjukkan hasil dan kondisi ekonomi masyarakat semakin meningkat, maka fungsi pemerintah dalam pembangunan semakin berkurang. Jika rakyat

berasa tertindas (*powerless*) dan tidak berdaya menentukan masa depannya, maka pemerintah perlu melakukan program pemerksaan (*empowerment*).

Berdasarkan fungsi pemerintah terbabit, pihak yang layak untuk menjalankan fungsi pemerksaan ialah pemerintah. Pemerintah yang dimaksudkan bukan hanya pemerintah tertinggi negara, tetapi juga pemerintah di peringkat tempatan termasuk pemerintah wilayah yang bertindak sebagai pelaksana polisi. Ini bermaksud pemerintah wilayah juga bertanggungjawab menjalankan fungsi pemerksaan tersebut dengan menjalankan koordinasi dengan pihak berkepentingan, termasuk dengan pemerintah kabupaten/kota yang berkaitan. Ini kerana, semua peringkat pemerintahan mempunyai fungsi dan dasar termasuk pemerksaan belia. Oleh sebab itu, setiap wilayah di Indonesia mempunyai institusi yang spesifik sebagai sektor utama dalam menangani masalah pemerksaan belia.

Kewujudan institusi atau badan yang spesifik dalam melaksanakan tugas pemerksaan kepada belia baik di tingkat kabupaten/kota mahupun wilayah merupakan sebahagian daripada pelaksanaan autonomi yang diberikan kepada daerah-daerah di Indonesia. Pelaksanaan institusi atau badan tersebut dapat dilihat melalui Undang-undang Nombor 32 tahun 2004 sebagaimana telah diubah dengan Undang-Undang Nombor 12 Tahun 2008 tentang Pemerintahan Daerah maupun Peraturan Pemerintah Nombor 38 tahun 2007 tentang Pembahagian Urusan Pemerintahan antara Pemerintah, Pemerintahan Daerah Wilayah, dan Pemerintahan Daerah Kabupaten/Kota. Ini bermaksud, pemerksaan belia merupakan antara tanggungjawab yang perlu dilakukan oleh pemerintah wilayah dan kabupaten/kota dan pelaksanaannya dapat disesuaikan dengan keadaan daerah masing-masing.

Pelaksanaan dan Impak Polisi Model Merilee S. Grindle


Grindle (1980) memperkenalkan model pelaksanaan sebagai proses politik dan proses pentadbiran (*implementation as a political and administrative process*). Model tersebut menggambarkan proses pembuatan keputusan dilakukan oleh aktor yang pelbagai, yang mana keputusannya ditentukan oleh keadaan melalui interaksi para pembuat keputusan dalam konteks pentadbiran politik. Proses politik dapat dilihat melalui proses pembuat keputusan yang melibatkan pelbagai aktor, sedangkan proses pentadbiran dilihat melalui proses umum mengenai tindakan pentadbir yang dapat diteliti pada peringkat tertentu.

Menurut Grindle (1980) terdapat dua persoalan yang mempengaruhi pelaksanaan polisi awam iaitu:

- i. Melihat dari sudut prosesnya, soalan yang perlu ditanya ialah apakah pelaksanaan polisi sesuai dengan bentuk dan keadaan awam?
- ii. Apakah tujuan polisi dilaksanakan? Dimensi ini diukur dengan melihat dua faktor, iaitu:
 - a. Impak atau kesannya pada masyarakat, individu, dan kumpulan.
 - b. Tahap perubahan yang berlaku serta penerimaan kelompok sasaran terhadap program yang dijalankan.

Keberhasilan suatu polisi awam menurut Grindle, sangat bergantung terhadap peringkat pelaksanaan polisi itu sendiri, yang terdiri daripada *Content of Policy* dan *Context of Implementation*. Menurut Grindle, *content of policy* adalah: (i) *interest affected* (pengaruh

kepentingan), (ii) *type of benefits* (jenis manfaat), (iii) *extent of change envision* (darjah perubahan yang ingin dicapai), (iv) *site of decision making* (tapak pembuat keputusan), (v) *program implementer* (pelaksana program), dan (vi) *resources committed* (sumber-sumber yang digunakan). *Context of implementation* pula adalah: (i) *power, interest, and strategy of actor involved* (kekuasaan, kepentingan-kepentingan, dan strategi daripada aktor yang terlibat), dan (ii) *institution and regime characteristics* (institusi dan ciri-ciri rejim), dan (iii) *compliance and responsiveness* (kepatuhan dan tanggungjawab).



Sumber: Grindle (1980:11).

Rajah 1 Model Kandungan Polisi, Pelaksanaan, dan Impak Grindle

Rajah 1 menunjukkan sesuatu program atau polisi yang digubal mesti memiliki tujuan dan objektif yang jelas. Tujuan sesebuah program atau polisi digubal mesti melihat kepada kepentingan awam secara keseluruhan. Pelaksanaan program dan polisi dipengaruhi oleh polisi dan konteks pelaksanaan. Keseluruhan pelaksanaan program dan polisi dinilai berdasarkan tujuan polisi yang telah ditetapkan. Impak program dan polisi dilihat melalui hasil terhadap sasaran yang dituju baik kepada individu, kelompok mahupun masyarakat (Grindle 1980). Impak pelaksanaan program dan polisi adalah perubahan yang dapat dilihat terhadap kelompok sasaran terbabit. Justeru itu, Model Grindle sangat sesuai dijadikan sebagai asas kepada pelaksanaan dan impak polisi pemerksaan belia yang dilaksanakan di Indonesia sebagaimana dijelaskan pada bahagian berikutnya.

Polisi Pemerksaan Belia di Indonesia

Di Indonesia, polisi pemerksaan belia dapat dilihat Undang-undang Nombor 40 Tahun 2009 tentang Kepemudaan, Undang-undang Nombor 17 Tahun 2007 mengenai Rencana Pembangunan Jangka Panjang Tahun (RPJP) tahun 2005-2025 dan Peraturan Presiden Nombor 5 Tahun 2010 mengenai Rencana Pembangunan Jangka Menengah Nasional (RPJMN) Tahun

2010-2014. Di dalam undang-undang tersebut, ia memuatkan secara spesifik tentang peraturan yang perlu dilakukan dalam pemerksaan belia di Indonesia. Undang-undang Nombor 17 Tahun 2007 pula menggariskan hala tuju polisi pembangunan belia dalam jangka masa panjang manakala Peraturan Presiden Nombor 5 Tahun 2010 memuatkan hala tuju pembangunan belia dalam jangka masa sederhana menengah iaitu tahun 2010-2014.

Untuk mendapatkan gambaran mengenai kandungan polisi pemerksaan belia berdasarkan Undang-undang dan Peraturan Presiden tersebut, ia dapat dilihat dalam Jadual 3 di bawah ini.

Jadual 3: Polisi Pemerksaan Belia di Indonesia

| UU No.40 Tahun 2009 | RPJP 2005 - 2025 | RPJMN 2010-2014 | Program Unggulan Pemberdayaan Pemuda 2010-2014 |
|---|--|--|--|
| <p>Fasal 25</p> <ul style="list-style-type: none"> • Peningkatan iman dan takwa; • Peningkatan ilmu pengetahuan dan teknologi; • Penedarahan pendidikan patriotik dan ketahanan nasional; • Peneguhan kemandirian ekonomi belia; • Peningkatan kualiti jasmani, seni, dan budaya belia; dan/atau • Pemantapan penulisan dan kegiatan belia. | <p>Pembangunan belia ditujukan kepada (Hal 48) :</p> <ul style="list-style-type: none"> • Peningkatan kualiti sumber manusia • Pembangunan karakter kebangsaan (nation building) • Penyertaan belia di berbagai bidang pembangunan, terutama di bidang ekonomi, sosial budaya, ICT dan politik, serta memiliki wawasan kebangsaan dan etika bangsa Indonesia. | <p>Kandungan Kegiatan Keutamaan (Hal 255 & 264) :</p> <ul style="list-style-type: none"> • Peningkatan kapasiti belia • Peningkatan kemampuan inovasi dan kreativiti Belia • Peningkatan Wawasan belia • Pemerksaan Organisasi Belia | <ul style="list-style-type: none"> • Pertukaran Belia Antara Negara (PPAN) • Ship For Southeast Asian Youth Programme • International Youth Camp • Polisi Bakti Belia Antara Wilayah (BPAP) • Jenesys (Japan East Asia Network of Exchange for Students and Youths) • Belia Kader Pemimpin Anti Dadah • Pusat Perkembangan Kreativiti dan Wawasan Potensi Belia • Festival Penkembangan Kreativitai Belia di Bidang Sastera, Seni, dan Budaya Nasional • Jambori Belia Indonesia (JPI) • Peningkatan Mutu Pengelolaan Organisasi Belia Peringkat Nasional dan Daerah |

Sumber: diolah oleh penulis

Jadual 3 menunjukkan undang-undang bagi melaksanakan polisi pemerksaan belia di Indonesia diikuti dengan RPJP dan RPJMN. Kementerian Pemuda dan Olahraga pula sebagai pelaksana polisi pembangunan belia di Indonesia bertanggungjawab melaksanakan program-program pemerksaan belia. Oleh sebab itu, kandungan pemerksaan belia yang digubal oleh Kemenpora haruslah seiring dengan Undang-Undang maupun Peraturan Presiden. Hakikatnya, seperti yang dapat dilihat daripada Jadual 3, tidak semua kandungan polisi pemerksaan belia di dalam Undang-Undang adalah selaras dengan polisi pemerksaan belia di Kemenpora. Antara kandungan polisi yang tidak selaras ialah polisi mengenai pendidikan patriotik, ketahanan nasional, peningkatan kualiti jasmani, seni, dan budaya belia.

Pelaksanaan Polisi Pemerksaan Belia Tahun 2010-2014 di Indonesia

Polisi Pemerksaan Belia di Indonesia secara spesifiknya dilaksanakan oleh Kementerian Pemuda dan Olahraga khususnya oleh Bidang Pemerksaan Belia. Pada tahun 2010-2014, Bidang Pemerksaan Belia Kemenpora melaksanakan sepuluh program besar. Untuk mendapatkan gambaran tentang pelaksanaan dan impak pemerksaan belia di Indonesia, artikel ini seterusnya memfokuskan kepada lima program utama, iaitu: (i) Pertukaran Belia Antara Negara (PPAN), (ii) Bakti Belia Antara Wilayah (BPAP), (iii) Belia Kader Pemimpin Anti Dadah, (iv) Pusat Perkembangan Kreativiti dan Wawasan Potensi Belia, dan (v) Peningkatan Mutu Pengelolaan Organisasi Belia Peringkat Nasional dan Daerah. Untuk mendapatkan gambaran mengenai pelaksanaan lima program utama tersebut di Indonesia pada tahun 2010-2014, bahagian seterusnya menghuraikan program berikut:

Merealisasikan Pelaksanaan Program Utama Pemerksaan Belia Tahun 2010-2014

Secara keseluruhannya, terdapat lima program utama pemerksaan belia di Indonesia dari tahun 2010 hingga 2014. Hampir semua program tersebut direalisasikan sesuai dengan matlamat yang telah ditetapkan bahkan ada beberapa program yang melepasi matlamat yang disasarkan. Hal ini dapat dilihat seperti Jadual 4.

Jadual 4: Peratusan Penyertaan Belia bagi Program Pemerksaan Belia Kemenpora Tahun 2010-2014

| Bil | Program Utama | Peratusan Tahun | | | | | Purata (%) |
|-----|---------------------------------------|-----------------|----------|----------|----------|----------|------------|
| | | 2010 (%) | 2011 (%) | 2012 (%) | 2013 (%) | 2014 (%) | |
| 1 | Pertukaran Belia Antara Negara (PPAN) | 100 | 121 | 100 | 100 | 80.5 | 100.3 |
| 2 | Bakti Belia Antara Wilayah (BPAP) | 100 | 100 | 96 | - | 87.6 | 95.9 |
| 3 | Belia Kader Pemimpin Anti Dadah | 100 | 120 | 100 | - | 100 | 105 |

| | | | | | | | |
|---|---|------|-----|-----|-----|------|-------|
| 4 | Pusat Perkembangan Kreativiti Potensi Belia | 100 | 100 | 170 | - | 100 | 117.5 |
| 5 | Peningkatan Mutu Pengelolaan Organisasi Belia Peringkat Nasional dan Daerah | 77.3 | 100 | 170 | 171 | 74.2 | 118.5 |

Sumber: LAKIP Pemerkasaan Belia Kemenpora RI Tahun 2010-2014

Jadual 4 menunjukkan peratusan penyertaan belia bagi setiap program utama pada tahun 2010 hingga 2014. Peratusan tersebut menunjukkan hampir semua program utama dapat mencapai matlamat penyertaan yang disasarkan kecuali PAPAN tahun 2014 (80.5%), program BPAP tahun 2012 (96%) dan 2014 (87.5%) serta program Peningkatan Mutu Pengelolaan Organisasi Belia Peringkat Nasional dan Daerah tahun 2010 (77.3%) dan 2014 (74.2%). Terdapat juga pelaksanaan program yang melebihi sasaran iaitu PAPAN tahun 2011 (121%), Belia Kader Pemimpin Anti Dadah pada tahun 2011 (120%), Pekan Pengembangan Kreativiti Potensi Belia tahun 2012 (170%), serta program Peningkatan Mutu Pengelolaan Organisasi Belia Peringkat Nasional dan Daerah tahun 2012 (170%) dan tahun 2013 (171%). Terdapat beberapa sebab penyertaan program yang tidak mencapai sasaran yang disasarkan iaitu kelemahan perancangan, tidak berdisiplin dan tidak serius dalam mengelola dan melaksanakan program, wujud masalah peruntukan kewangan dan wujud polisi mengurangkan jumlah sasaran oleh pemimpin. Namun, pelaksanaan program yang mencapai sasaran dapat dilihat antaranya efisien, perancangan yang baik, serta promosi yang agresif menyebabkan ramai belia menyertainya.

Daripada kelima-lima program utama Pemerkasaan Belia Kemenpora pada Jadual 4, dapat dilihat penyertaan pelaksanaan program yang tertinggi adalah program Peningkatan Mutu Pengelolaan Organisasi Belia Peringkat Nasional dan Daerah (118.5%), disusuli dengan program Pusat Perkembangan Kreativiti Potensi Belia (117.5%), Belia Kader Pemimpin Anti Dadah (105%), Pertukaran Belia Antara Negara (PAPAN) (103%) dan Bakti Antara Wilayah (BPAP) (95.9%). Peratusan penyertaan yang berbeza adalah disebabkan oleh faktor-faktor seperti sumber manusia, polisi dan minat peserta yang menjadi sasaran terhadap program yang dijalankan. Program Peningkatan Mutu Pengelolaan Organisasi Belia Peringkat Nasional dan Daerah jelas mencatatkan penyertaan yang tertinggi yang mempunyai kaitan dengan organisasi belia. Ini kerana, organisasi belia peringkat nasional yang memiliki semangat yang sangat tinggi sehingga menimbulkan kesedaran untuk menyertai program yang telah ditawarkan kepada mereka. Namun, program Bakti Belia Antara Wilayah pula memperlihatkan penyertaan yang paling rendah kerana program ini melibatkan belia dari daerah yang tidak terdedah dengan aktiviti dan mempunyai semangat belia yang tinggi seperti aktivis organisasi belia peringkat nasional.

Jadual 4 juga memperlihatkan pada tahun 2013, terdapat tiga program utama yang tidak dilaksanakan iaitu program Bakti Belia Antara Wilayah (BPAP), program Belia Kader Pemimpin Anti Dadah, dan program Pusat Perkembangan Kreativiti Potensi Belia. Ketiga-tiga program ini tidak dilaksanakan pada tahun 2013 kerana program ini tidak termasuk dalam kategori program utama. Dua program lain iaitu program Pertukaran Belia antara Negara (PAPAN) dan program Peningkatan Mutu Pengelolaan Organisasi Belia Peringkat Nasional dan Daerah adalah program utama dan perlu dijalankan pada tahun tersebut. Program yang tidak dijalankan bertujuan bagi mengalihkan perbelanjaan tersebut kepada program lain yang lebih penting seperti Projek Hambalang. Antara yang menarik dalam Jadual 4 ialah penyertaan program pada tahun 2014

umumnya tidak mencapai 100% dan hanya dua program yang mencapai 100%. Banyak program yang tidak dapat direalisasikan adalah kerana adanya kes undang-undang yang berlaku pada akhir tahun 2013, sehingga mengakibatkan pada tahun 2014 urusetia program di Kemempora lebih berwaspada.

Pelaksanaan Polisi Pemerksaan Belia di Indonesia dari Perspektif Model Grindle

Merujuk pada teori yang digunakan oleh Grindle (1980), terdapat sembilan pemboleh ubah yang boleh digunakan untuk menilai pelaksanaannya, iaitu: (i) *interest affected* (pengaruh kepentingan), (ii) *type of benefits* (jenis manfaat), (iii) *extent of change envision* (darjah perubahan yang perlu dicapai), (iv) *site of decision making* (tapak pembuat keputusan), (v) *program implementation* (pelaksanaan program), (vi) *resources committed* (komitmen sumber), (vii) *power, interest, and strategy of actor involved* (kuasa, kepentingan, dan strategi dari aktor yang terlibat), (viii) *institution and regime characteristic* (institusi dan ciri-ciri rejim), dan (ix) *compliance and responsiveness* (kepatuhan dan kebertanggungjawaban).

Hasil kajian mendapati pelaksanaan polisi pemerksaan belia di Indonesia dan sasaran program dalam pelaksanaan polisi pemerksaan belia masih belum wujud secara meluas kerana wujud pihak-pihak yang mempunyai kepentingan dan mempengaruhi pelaksana polisi dalam menetapkan sasaran program. Ini mengakibatkan sasaran pelaksanaan program hanya terbatas kepada individu yang dekat dengan pelaksana polisi sehingga wujudnya kesan seperti tidak mampu mencapai darjah perubahan yang diharapkan, pelaksanaan program menjadi kurang berkualiti, komitmen pelaksanaan program yang rendah dan kepatuhan dan daya pelaksanaan program tidak jitu mengakibatkan lemahnya pelaksanaan program pemerksaan belia pada tahun 2010 hingga 2014. Untuk mendapatkan gambaran yang lebih jelas mengenai pelaksanaan polisi pemerksaan belia pada tahun 2010-2014, Jadual 5 menghuraikan pelaksanaan tersebut.

Jadual 5: Huraian Pelaksanaan Polisi Pemerksaan Belia pada Tahun 2010-2014

| Bil | Pemboleh Ubah | Huraian |
|------------|---|---|
| 1 | <i>Interests Affected</i> (Pengaruh Kepentingan) | Terdapat pelbagai kepentingan yang mempengaruhi program terutama berkait dengan masalah pengambilan peserta tidak mengikuti pemilihan dan kebanyakannya berasal daripada orang yang rapat dengan pengelola program sehingga mengakibatkan peserta kurang kritis, kurang agresif dan kurang progresif. Terdapat beberapa pelaksana polisi yang memanfaatkan program tersebut untuk mendapatkan keuntungan sendiri. |
| 2 | <i>Type of Benefits</i> (Jenis Manfaat) | Antara manfaat-manfaat polisi pemerksaan belia yang dikenal pasti ialah untuk meningkatkan jiwa patriotik Indonesia, menjalinkan hubungan yang lebih erat, menyemai nilai-nilai kebersamaan, menambah pengetahuan, kemandirian, daya saing, mewujudkan sifat percaya kepada diri, meningkatkan jiwa nasionalisme, mewujudkan kesedaran. |

| | | |
|---|--|--|
| 3 | <i>Extent of Change Envisioned</i> (Darjah Perubahan yang hendak Dicapai) | Darjah perubahan yang hendak dicapai adalah peningkatan dari aspek individu belia tersebut. Kajian mendapati terdapat beberapa darjah perubahan yang disasarkan iaitu (i) Peningkatan potensi sumber daya belia, (ii) Peningkatan wawasan belia, (iii) Peningkatan kapasiti belia (iv) Peningkatan kreativiti belia, dan (v) Pemerksaan organisasi belia. Berdasarkan hasil pemerhatian, darjah perubahan yang diinginkan belum mencapai sasaran yang diinginkan oleh belia atau organisasi belia. |
| 4 | <i>Site of Decision Making</i> (Peringkat Pembuat Keputusan) | Terdapat beberapa tahap pembuat keputusan dalam polisi pemerksaan belia di Indonesia iaitu; pertama peringkat kementerian, kedua peringkat pemerintahan dan ketiga peringkat parlimen. Pada peringkat kementerian, keputusan dilakukan oleh pihak Menteri yang dilaksanakan oleh Setiausaha Menteri. Pada peringkat pemerintahan, keputusan dilakukan oleh Bapenas dan pada peringkat parlimen, keputusan dilakukan oleh parlimen khususnya suruhanjaya X DPR RI. Keputusan yang dilakukan sesuai dengan kepentingan Menteri, Bapenas, dan DPR. Polisi yang disusun dilakukan oleh staf peringkat bawah dan tidak berhubung dengan pihak-pihak berkepentingan. |
| 5 | <i>Program Implementors</i> (Pelaksana Program) | Pelaksana program tidak melakukan proses pemilihan peserta program sebagaimana biasa sehingga menimbulkan masalah. Pelaksana program di daerah tidak menjalankan program yang sesuai sehingga menyebabkan program tidak mengikut aturan yang telah ditetapkan secara berpusat di bawah Koordinasi Pemerksaan Belia Kementerian Pemuda dan Olahraga. |
| 6 | <i>Resources Committed</i> (Komitmen Sumber) | Seluruh pelaksana program daripada unit kerja pemerksaan belia mempunyai komitmen untuk melaksanakan polisi pemerksaan belia, namun komitmen tersebut masih belum tertumpu kepada pihak-pihak berkepentingan. Ini mengakibatkan pelaksanaan polisi belum tertumpu secara signifikan kepada penyelesaian masalah belia secara holistik. |
| 7 | <i>Power, Interests, and Strategies of Actors Involved</i> (Kuasa, Kepentingan, dan Strategi dari Para Aktor yang Terlibat) | Kekuasaan dan kepentingan yang terlibat dalam proses pelaksanaan pemerksaan belia ialah Kementerian, Bapenas dan DPR, namun aktor lain yang sepatutnya terlibat tidak pernah dilibatkan untuk memberi idea terhadap pelaksanaan polisi. Pelaksana polisi mempunyai tanggungjawab yang tinggi untuk memastikan program-programtersebut berjaya seperti yang diharapkan. Kekangan peruntukan mengakibatkan beberapa program tidak dapat dilaksanakan. |

| | | |
|---|--|--|
| 8 | <i>Institution and Regime Characteristics</i> (Institusi dan Ciri-Ciri Rejim) | Visi, misi serta tujuan pembangunan belia telah digubal dengan baik oleh Kemenpora. Namun, masalah wujud dalam aspek pelaksanaan di peringkat bawahan iaitu pelaksana polisi di peringkat daerah. Kualiti rejim yang masih rendah menjadi halangan untuk mencapai tujuan pemerksaan, di samping adanya pihak yang mempunyai kepentingan di dalam rejim menyebabkan perbezaan pelaksanaan program di luar dan di dalam negeri. |
| 9 | <i>Compliance and Responsiveness</i> (Kepatuhan dan Kebertanggungjawaban) | Dalam lima program utama yang dilakukan oleh di Jabatan Pemerksaan Belia, tidak dapat dinafikan bahawa secara keseluruhannya berjalan dengan baik. Namun, terdaot juga program yang tidak mencapai sasaran kerana program tidak mengikut aturan yang sudah ditetapkan. Beberapa program dianggap tidak relevan dengan perubahan zaman. Kurikulum latihan dan pembelajaran tidak pernah berubah dalam tempoh yang cukup lama, walaupun fenomena belia terus mengalami perkembangan dan perubahan. |

Impak Polisi Pemerksaan Belia di Indonesia

Royse et al (2001) menyatakan, “... *outcomes evaluation refers to the identification of the goals or criteria by which a program or process is to be evaluated* (...hasil penilaian merujuk kepada tujuan atau kriteria program atau proses yang akan dinilai). Ini bermakna, impak penilaian harus berdasarkan kepada tujuan dan kriteria yang telah ditetapkan oleh polisi tersebut. Ini termasuklah melakukan tinjauan kembali, mengantisipasi, atau menilai semua kemajuan yang telah dicapai melalui polisi-polisi yang telah disusun dan dilaksanakan. Penilaian polisi juga harus memberikan informasi yang tepat dan jelas mengenai semua kemajuan atas program yang dilaksanakan.

Selain itu, Royse et al. juga berhujah bahawa, “... *the aim of evaluation process is to delineating, obtaining and providing useful information for judging policy out comes* (... proses evaluasi bertujuan untuk memperoleh dan memberikan informasi yang berguna bagi penilaian impak polisi). Secara konkritnya, Royse et al. menjelaskan bahawa impak polisi dalam konteks pemerksaan belia haruslah melibatkan beberapa tujuan berikut, iaitu: (i) pengakuan positif dari masyarakat yang meningkatkan kematangan, (ii) peningkatan harga diri, (iii) pembentukan identiti, dan (iv) perkembangan pola pemikiran yang positif. Kematangan mental inilah yang Royse et al. maksudkan sebagai impak pemerksaan belia yang pada akhirnya berguna dalam mengembangkan jiwa kepemimpinan, keterampilan, dan kerjasama dalam kehidupan yang sebenar.

Royse et al. juga menyatakan penilaian polisi pemerksaan belia bermula daripada peningkatan kualiti individu, namun Grindle menyatakan terdapat perkara lain yang perlu dilihat terlebih dahulu. Ini kerana pemerksaan belia bukan hanya bertujuan untuk meningkatkan kualiti belia semata-mata, tetapi juga mendorong mereka untuk dapat memberikan sumbangan kepada kelompok dan masyarakat. Ini kerana belia adalah agen perubahan (*agent of change*) di setiap negara, maka oleh sebab itu belia perlu memainkan peranan penting dalam mendorong perubahan di dalam masyarakat. Merujuk kepada hujah ini, maka untuk menghuraikan penilaian polisi, penulis menggabungkan antara teori Royse dan Grindle agar mendapat jawapan secara lebih komprehensif.

Hasil terbuai dengan beberapa informan autoritatif mengenai impak yang wujud daripada lima program utama pemeraksanaan belia pada tahun 2010-2014, rumusan daripada termu buai tersebut adalah seperti berikut:

Jadual 6: Impak Program Utama Terhadap Individu, Kelompok, dan Masyarakat

| Pemboleh Ubah | Impak | | |
|--|----------|--------------------|-----------------|
| | Individu | Kelompok | Masyarakat |
| 1. Program Bakti Belia Wilayah (BPAP) | Positif | Kurang positif | Kurang positif |
| 2. Program Pertukaran Beliau Antara Negara (PPAN) | Positif | Positif | Kurang meluas |
| 3. Program Belia Kader Pemimpin Anti-Dadah | Positif | Positif dan meluas | Positif |
| 4. Program Pusat Perkembangan Kreativiti dan Potensi Wawasan Belia | Positif | Kurang positif | Kurang positif |
| 5. Program Peningkatan Mutu Pengelolaan Organisasi Belia Peringkat Nasional dan Daerah | Positif | Manfaat Minimum | Manfaat Minimum |

Sumber: Diolah oleh penulis (2015).

Jadual 6 menunjukkan impak yang wujud daripada pelaksanaan polisi lima program utama pemeraksanaan belia umumnya adalah positif pada individu, manakala hanya sedikit positif pada kelompok dan masyarakat. Pada peringkat individu, lima program utama terbabit mempunyai impak positif, pada peringkat kelompok hanya dua program yang menunjukkan impak positif, selebihnya kurang positif bahkan memperlihatkan manfaat yang minimum. Pada peringkat masyarakat pula, hanya satu program yang mempunyai impak positif, selebihnya kurang positif dan manfaat yang minimum. Secara keseluruhannya, penilaian terhadap program pemeraksanaan belia khususnya program utama yang lain belum dilaksanakan walaupun terdapat pemantauan pada setiap tahun. Pemantauan hanya dilakukan dengan mengumpul data dan maklumat dari setiap program yang dilaksanakan. Ini mengakibatkan kandungan polisi tidak mengalami perubahan yang signifikan terutamanya dalam rangka menyesuaikan dengan dinamika belia di Indonesia pada setiap tahun.

PENUTUP

Daripada perbincangan di atas, dapat disimpulkan pelaksanaan dan impak polisi pemeraksanaan belia di Indonesia tahun 2010-2014 adalah sebagai berikut. Pertama, hampir semua program utama dilaksanakan mencapai matlamat kecuali pelaksanaan polisi belia tidak berjalan secara

keseluruhannya sesuai dengan matlamat dan sasaran yang diharapkan. Tambahan pula, penilaian pelaksanaan program tidak pernah dilakukan terhadap pelaksanaan polisi pemerksaan belia tahun 2010-2014 untuk melihat kejayaan sesuatu program. Kedua, pelaksanaan program pemerksaan belia di Indonesia masih dipengaruhi oleh unsur kepentingan, pelaksanaan program yang tidak berterusan, tidak menjurus kepada penyelesaian masalah belia secara signifikan, wujudnya halangan dalam pelaksanaan program kerana adanya polisi pengalihan peruntukan untuk kepentingan lain, sumber manusia yang kurang mengakibatkan pelaksanaan tidak maksimum, serta kepatuhan dan tanggungjawab pelaksana polisi yang rendah. Pada akhirnya, kesemua program tidak mampu memenuhi darjah perubahan yang disasarkan dalam pembangunan belia di Indonesia.

Di akhir analisisnya, hasil perbincangan mendapati impak polisi pemerksaan belia dalam mengatasi masalah belia pada umumnya masih bersifat individual. Dengan erti kata lain, program pemerksaan belia yang dilaksanakan di Indonesia masih belum dapat memberikan impak yang meluas kepada masyarakat. Impak yang wujud daripada pelaksanaan program pemerksaan belia pada tahun 2010-2014 perlu setanding dengan tujuan pelaksanaan program yang dijalankan. Namun, polisi yang dihasilkan tidak melihat kepada impak yang wujud kepada individu, kelompok, mahupun masyarakat, bahkan proses penilaian program tidak pernah dilaksanakan menyebabkan kandungan polisi tidak pernah mengalami perubahan yang sepatutnya.

Sakhyan Asmara - Adalah mahasiswa program Doktor Falsafah daripada Jabatan Ilmu Adminstrasi, Fakulti Ilmu Sosial dan Ilmu Politik, Universitas Indonesia.
Emel: sakhyanmara@yahoo.com

Prof. Dr. Irfan Ridwan Maksum – Adalah Guru Besar, Universitas Indonesia.
Emel: irmo01@yahoo.com

Prof. Dr. Azhar Kasim – Adalah Guru Besar, Universitas Indonesia.
Emel: aipkeren090582@yahoo.com

RUJUKAN

- Badan Perencana Pembangunan Nasional (Bappenas). 2011. *Sistem Perencanaan Pembangunan Nasional*. Jakarta: Bappenas.
- Badan Pusat Statistik. 2015. *Penduduk Indonesia menurut Umur Tunggal/Single Year*. Jakarta: Badan Pusat Statistik Indonesia.
- Chavchay Syaifullah. 2008. *Kemandirian Pemuda: Tantangan dan Harapan*. Jakarta: kementerian Pemuda dan Olahraga.
- Ciarlo, J.A., & Tweed, D.L. 1992. Implementing Indirect Need-Assessment Model for Development and Empowerment Program Model. *Evaluation and Program Palnning* 15(1): 195-210.
- Dewan Ketahanan Nasional (Wantannas). 2012. *Antisipasi dan Solusi Maraknya Anarkisme yang Mencederai Kerukunan dan Kedamaian Warga Negara*. Jakarta: Wantannas
- Freire, P. 1968. *Pedagogy of the Oppressed*. Translate. New York: Bloomsbury.

- Grindle, M. S. 1980. *Politics and Policy Implementation in the Third World*. New Jersey: Princeton University Press.
- Kementerian Pemuda dan Olahraga Republik Indonesia (Kemenpora RI). 2010. *Penyajian Data dan Informasi Statistik Kepemudaan*. Jakarta: Kementerian Pemuda dan Olahraga Republik Indonesia.
- Royse, D., Thyer, B. A., Padgett, D. K., & Logan, T.K. 2001. *Program Evaluation: An Introduction*. Third Edition. California: Brooks/Cole.
- Tash, W. R., & Stahler, G. J. 1984. The Transactional Partnering Model. *American Behavioral Scientist* 27(5): 608-630.
- Uphoff, N. T. 1986. *Local Institutional Development: An Analytical Sourcebook*. West Hartford: Kumarian Press.
- www.kompas.com 20%pengguna 20%narkoba 20% dan 20% bahayanya 20% bagi 2% pemuda/kita.htm. [diakses pada tanggal 15 April 2014]
- www.bappenas.go.id /20% pendidikan 20% pemuda 20% di 20% Indonesia.htm, [diakses pada tanggal 12 April 2014]